

Menurut Mustafa, Universiti bukanlah setakat tempat untuk menuntut ilmu tetapi dalam mengisi perjuangan tokoh terdahulu, kini UUM berhasrat untuk merealisasikan agenda utamanya iaitu menjadi Universiti Penyelidikan dalam bidang pengurusan dan sains sosial yang pertama di Malaysia.

"UUM merupakan satu-satunya Universiti yang menawarkan program pengurusan semata-mata berbanding dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam yang lain.

"Melalui program pengurusan yang ditawarkan di Universiti ini, UUM berhasrat melahirkan *Chief Executive Officer (CEO)* dan pengurus yang terbaik," katanya.

Mustafa turut menekankan betapa pentingnya penerapan semangat cintakan organisasi, bangsa dan negara dalam kalangan staf dan pelajar demi membangunkan UUM sebagai sebuah Universiti pengurusan yang disegani di dalam Negara dan di peringkat antarabangsa.

"Lantaran itu, pelaksanaan seluruh dasar, strategi yang lebih terancang, kewajipan dan tanggungjawab serta komitmen yang padu daripada seluruh sumber dan tenaga kerja dapat membantu UUM bergerak ke arah misinya menjadi Research University (RU) pertama dalam bidang pengurusan dan sains sosial.

"Justeru, kita perlu lebih berdaya saing dan harus mengubah cara kita bekerja berbanding 26 tahun dahulu semenjak UUM ditubuhkan pada tahun 1984, untuk bergerak ke arah Universiti Pengurusan yang terkemuka," katanya lagi.

Tegasnya, cabaran paling utama dalam dunia tanpa sempadan ialah mendidik serta menanam semangat cinta kepada Negara dan organisasi dalam kalangan generasi muda kerana mereka merupakan generasi pelapis yang akan memastikan kestabilan dan keamanan negara Malaysia pada masa hadapan.

"Hakikatnya, semangat patriotisme Malaysia bukan sekadar mengibarkan Jalur Gemilang sewaktu sambutan Hari Kemerdekaan tetapi penting untuk diinsafi, dikaji dan dihalusi secara komprehensif oleh semua pihak kerana generasi terdahulu menuntut kemerdekaan dengan semangat untuk membebaskan Negara daripada belenggu penjajahan.

"Sambutan Bulan Patriotisme diharap dapat melahirkan staf dan pelajar yang berjiwa patriotisme dalam membantu membangunkan sebuah Universiti yang dapat menjamin keamanan Negara kita yang tercinta, Malaysia," katanya lagi.

Majlis turut merakamkan ucapan tahniah kepada dua orang pelajar UUM yang telah memenangi Pertandingan Nyanyian Solo Lagu-lagu Patriotik Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM) dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris pada 6 hingga 8 Ogos yang lalu serta diserikan dengan dendangan lagu Dirgahayu Tanahairku oleh Chan Ching Yee.

Habis.

DARIPADA :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-9283014 / 3066 / 4078
FAX : 04-9283016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my